


# **AKTA RAHSIA RASMI 1972**

## **(AKTA 88)**


**PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN  
KERAJAAN MALAYSIA  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Diluluskan oleh : Panel Bahan Latihan,  
Pejabat KPKK**



# SKOP CERAMAH :

- Pengenalan
- Latar Belakang
- Definisi
- Peruntukan Akta Rahsia Rasmi
- Peruntukan Kesalahan-Kesalahan
- Contoh-Contoh : Kes-Kes Pendakwaan




# **PENGENALAN**

## **AKTA 88**

**Suatu Akta bagi meminda dan  
menyatukan undang-undang berhubung  
dengan perlindungan rahsia rasmi.**

**[ 1hb Oktober 1972 ]**




# Latar belakang


## Akta Rahsia Rasmi di Malaysia :

- Negeri-negeri Selat ( Official Secret Ordinance Settlement Straits cap 102 )
- Negeri-negeri Bersekutu ( Official Secret Enacment 1920 )
- Negeri-negeri Tidak Bersekutu (OSA 1939 )
- Negeri Johor (Official Secret Enacment 1923 )
- Negeri Sabah (Official Secret Ordinance 1921 )
- Negeri Sarawak (Official Secret Ordinance 1939 )

# **DEFINISI : RAHSIA RASMI**




**“rahsia rasmi” ertinya apa-apa suratan yang dinyatakan dalam Jadual dan apa-apa maklumat dan bahan berhubungan dengannya dan termasuklah apa-apa suratan rasmi, maklumat dan bahan lain sebagaimana yang boleh dikelaskan sebagai ‘Rahsia Besar’, ‘Rahsia’, ‘Sulit’ atau ‘Terhad’, mengikut mana yang berkenaan, oleh seorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri atau mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah Seksyen 2B**




# **Jadual Akta Rahsia Rasmi 1972**

**Suratan, rekod keputusan dan pertimbangan Jemaah Menteri termasuklah juga suratan, rekod keputusan dan pertimbangan jawatankuasa-jawatankuasa Jemaah Menteri.**




# **Jadual Akta Rahsia Rasmi 1972**

**Suratan, rekod keputusan dan pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri termasuklah juga suratan, rekod keputusan dan pertimbangan jawatankuasa-jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.**



# **Jadual Akta Rahsia Rasmi 1972**

**Suratan berkenaan dengan  
keselamatan negara,  
pertahanan dan  
Perhubungan antarabangsa.**




# Peruntukan Akta Rahsia Rasmi

## Seksyen 2A – Menambah, memotong atau meminda Jadual

Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menambah, memotong atau meminda mana-mana peruntukan Jadual kepada Akta ini.

# **Peruntukan Akta Rahsia Rasmi**



**Seksyen 2B – Perlantikan pegawai untuk mengelaskan suratan rasmi, dsb.**

**Seseorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri boleh melantik mana-mana pegawai awam melalui suatu perakuan di bawah tandatangannya untuk mengelaskan apa-apa suratan rasmi, maklumat atau bahan sebagai ‘Rahsia Besar’, ‘Rahsia’, ‘Sulit’ atau bahan sebagai ‘Rahsia Besar’, ‘Rahsia’, ‘Sulit’ atau ‘Terhad’, mengikut mana yang berkenaan.**

# **Peruntukan Akta Rahsia Rasmi**

## **Seksyen 2C – Pengelasan semula rahsia rasmi oleh Menteri atau pegawai awam.**

**Seseorang Menteri atau pegawai awam yang dipertanggungkan dengan apa-apa tanggungjawab terhadap mana-mana Kementerian, jabatan atau mana-mana perkhidmatan awam atau Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri atau ketua pegawai yang menjaga hal-ehwal pentadbiran sesuatu Negeri boleh, pada bila-bila masa, mengelaskan semula apa-apa suratan yang di nyatakan dalam Jadual atau apa-apa suratan rasmi, maklumat atau bahan sebagaimana yang telah dikelaskan dan selepas pengelasan semula itu, suratan, maklumat atau bahan tersebut hendaklah terhenti menjadi rahsia rasmi.**


# Peruntukan Kesalahan

## Seksyen 3 – Penalti bagi Pengintipan

Jika, bagi apa-apa maksud yang mudarat kepada keselamatan atau kepentingan Malaysia, seseorang :

- menghampiri, memeriksa, melalui atau berada disekitar atau memasuki sesuatu tempat larangan
- membuat sesuatu suratan yang dikira menjadi atau yg mungkin atau yg dimaksudkan menjadi berguna secara langsung atau secara tak langsung kepada sesuatu negeri asing
- mendapatkan, mengumpul, merakam, menyiar atau menyampaikan kepada seseorang lain sesuatu perkataan kod, isyarat timbal, atau kata jodoh rasmi yang rahsia, atau apa-apa benda, suratan atau maklumat yg dikira menjadi atau yg mungkin menjadi berguna secara langsung atau tak langsung kepada sesuatu negeri asing,

Maka orang itu adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh dibuktui dengan menunjukkan bukti.



## **Seksyen 4 (1) – Larangan mengambil atau membuat apa-apa suratan, ukuran, ukuran dalam atau kerja ukur mengenai atau dalam sesuatu tempat larangan**

**Larangan mengambil atau membuat apa-apa suratan, ukuran, ukuran dalam atau kerja ukur mengenai atau dalam sesuatu tempat larangan adalah suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara selama tempoh tidak kurang daripada *satu tahun tetapi tidak lebih daripada empat belas tahun.***


## **Seksyen 7A - Kewajipan melapor permintaan bagi maklumat dll.**

Seseorang yang dengan apa juga cara dihampiri oleh mana-mana orang lain secara langsung atau secara tak langsung bagi mendapatkan untuk atau membekalkan kepada orang lain itu sesuatu rahsia rasmi atau sesuatu perkataan kod, isyarat timbal atau kata jodoh yang rasmi yang –

- a. berhubungan dengan sesuatu tempat larangan...
- b. berhubungan dengan kelengkapan perang dan....
- c. telah dibuat atau didapatkan bersalahan dgn Akta ini, atau
- d. telah diamanahkan sebagai rahsia kepadanya ....
- e. dibuat atau didapati, atau dia mempunyai ekses ...


selain dari menjalankan tugasnya, hendaklah dengan serta merta melaporkan perhubungan itu kepada pegawai polis yg berpangkat Inspektor atau ke atas, jika pegawai awam adalah mencukupi melaporkan secara bertulis kpd ketua jabatan ....

Suatu kesalahan yang boleh di hukum dengan *penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada lima tahun.*



## **Seksyen 7B – *Meletakkan diri ke dalam kepercayaan agen negara asing.***

**Seseorang yang melakukan apa-apa perbuatan supaya meletakkan atau mungkin meletakkan dirinya dalam kepercayaan mana-mana agen negara asing adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan *penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada lima tahun.***



## **Seksyen 8(1) – Menyampaikan rahsia rasmi dengan salah**

- menyampaikan,**
- menggunakan,**
- menyimpan dalam milik**
- tidak menjaga rahsia rasmi**  
**dengan cara yang berpatutan, atau**
- bertingkah laku sehingga**  
**membahayakan keselamatan**  
**sesuatu rahasia rasmi**


*Penjara tidak kurang daripada 1 tahun  
tetapi tidak lebih daripada 7 tahun*

## Seksyen 9(2) Jika, bagi apa-apa maksud yang mudarat kepada keselamatan atau kepentingan Malaysia, seseorang


- menyimpan suratan rasmi.....
- membenarkan seseorang lain memiliki ....
- tidak memulangkannya....
- ada dalam miliknya sesuatu anak kunci...
- dengan diketahui membuat pernyataan palsu

adalah suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan *penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada tujuh tahun.*

## **Seksyen 11- Kewajipan memberi maklumat diminta oleh :-**

- 
- Pegawai Polis berpangkat lebih tinggi daripada Inspektor;**
  - Anggota angkatan tentera;**
  - Pegawai awam yang diberi kuasa oleh Menteri**

**Apabila seseorang tidak memberi maklumat yang diminta ia adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada tujuh tahun.**




## **Seksyen 13(1) - Melindung**

**Seorang yang mengetahui atau ada alasan yang munasabah bagi mensyaki seorang lain hampir hendak melakukan atau telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta**

-


- melindungi orang lain itu; atau
- membenarkan orang lain itu bertemu atau berhimpun dimana-mana premis yg didudukinya ...

*Penjara selama tempoh tidak kurang daripada 1 tahun tetapi tidak lebih daripada 7 tahun.*



## **Seksyen 13 (2) - Melindung**

**Jika seseorang tidak menzahirkan apabila diminta maklumat tentang Seksyen 13 (1) maka ia adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara tidak lebih daripada 7 tahun atau denda tidak lebih 10, 000 atau penjara dan denda itu kedua-duanya.**




## **SEKSYEN 14 - Percubaan, pengapian dsb.**

**Jika seseorang -**

- mencuba melakukan sesuatu kesalahan**
- mengajak-ajak atau mengapikan atau berusaha memujuk atau bermuafakat...**
- membantu / menyubahati / melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan ...**


**maka ia boleh dikenakan hukuman-hukuman yang sama,  
dan diambil tindakan dengan cara yang sama seolah-olah  
ia telah melakukan kesalahan itu.**

## **Seksyen 16A- Perakuan oleh pegawai awam menjadi keterangan yang konklusif.**




**Suatu perakuan oleh seorang ketua pentadbiran awam bagi mana-mana perkhidmatan awam..... atau oleh ketua pegawai yang menjaga hal-ehwal pentadbiran sesuatu Negeri yang memperakukan sesuatu suratan rasmi, maklumat atau bahan dengan menyatakan yang ianya suatu rahsia rasmi hendaklah menjadi keterangan yang konklusif bahawa suratan, maklumat atau bahan itu adalah suatu rahsia rasmi dan tidaklah boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah atas apa-apa juga alasan**


# **Seksyen 17A - Pembelaan sedia ada kepada pegawai awam**




**Mana-mana orang yang dipertuduh dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini tidaklah boleh disabitkan jika dia membuktikan yang dia melakukan mana-mana perkara itu dalam menjalankan tugas rasminya atau dengan kuasa sepatutnya.**

**Seksyen 30A - Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan maksud Akta ini.**

- 
- a) menetapkan cara mengelaskan maklumat, suratan dan bahan-bahan lain;**
  - b) menetapkan prosedur bagi pengendalian, penyimpanan dan penghantaran suratan rahsia rasmi dan maklumat-maklumat lain;**
  - c) menetapkan cara melupuskan suratan rasmi yang dibuang;**
  - d) menetapkan cara penyampaian maklumat rasmi;**

- 
- e) menetapkan semua perkara lain yang perlu bagi melindungi keselamatan atau kerahsiaan mana-mana maklumat atau benda;
  - f) membuat peruntukan mengenai kesalahan dan penalty-penalty tidak melebihi denda sebanyak lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun kerana melanggar mana-mana peruntukan peraturan-peraturan; dan
  - g) membuat peruntukan mengenai hal mengkompaun mana-mana kesalahan seperti itu.



# **Contoh Kes Pendakwaan :**

## **Personaliti yang disabitkan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972**

# **Contoh Kes : Personaliti yang disabitkan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972**

<b>Nama</b>	<b>Perkara</b>	<b>Tuduhan</b>
1. Y.B Lim Kit Siang	tender untuk membeli “Fast Strike Craft for RMN”	5
2. Y.B Dato' Hj. Dzulkifli bin Datuk Hamid (bekas Naib Presiden USNO)	Dasar Kerajaan Negeri mengenai ‘Philipines Refugees’ dlm NST 9 Jan. 1978	4
3. P. Patto (DAP)	menerbitkan maklumat berkenaan tender utk membeli ‘Fast Strike Craft for RMN di akhbar Rocket bertajuk “Corruption in Navy \$ 166 million Navy Scandle 25 Mei 1981	1

# Contoh Kes : Personaliti yang disabitkan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972

Nama

Perkara

Tuduhan

4. James Clovis Clad Ketua Biro 'Far Eastern Economic Review in K.L	Laporan Kabinet "A managed and controlled relationship with the Peoples Republic Of China". 14 Okt. 1985	2
5. Sabry Sharif Wartawan akhbar NST	Kajian Struktur Kekuatan TUDM 1984. 24 Jan. 1986	1
6. Phang Ah Hee (Bekas Timbalan Pendakwaraya)	memiliki salinan photostat - IGPSO - Ampang Police Investigation Paper No. 139/85 - Sentul Police Investigation Paper No. 1146/86 Okt. 1986	3

# Contoh Kes : Personaliti yang disabitkan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972

Nama	Perkara	Tuduhan
7. H.M Hazle b Piee PAR Kem. Perdagangan	Kertas soalan B. Malaysia I & II Peperiksaan SPM 1989 (26 Okt. 1986)	2
8. Aenor Rashid Abd. Karim PAR Jabatan Pendidikan Shah Alam	Kertas soalan B. Malaysia I & II Peperiksaan SPM 1989 (26 Okt. 1989)	2
9. Ezam Noor	Memiliki maklumat rahsia dan mendedahkan kepada pemberita pada 06 Nov 1999. <i>(dibebaskan dari pertuduhan pd 15 Apr 2003)</i>	1

DiLuluskan oleh : Panel Bahan Latihan,  
Pejabat KPKK

**RAHSIAKAN**  
**RAHSIA**  
**NEGARA**

# TerimaKash

## SESSI SOAL JAWAB

Wan Nazrul Hafez bin Wan Mohamed

Pegawai Keselamatan Kerajaan

Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia

Jabatan Perdana Menteri

Aras 1 & 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 Putrajaya.

Tel : 03 – 88726049

Faks : 03 – 88883231

[nazrul@cgso.gov.my](mailto:nazrul@cgso.gov.my)